

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**SOALAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU**

**TARIKH : 3 SEPTEMBER 2020**

**SOALAN NO. 3**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia meneruskan inisiatif untuk meminda undang-undang berkaitan pemandu mabuk sebagaimana yang telah diluluskan oleh Kabinet pada akhir tahun 2020.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebagai salah satu strategi utama dalam usaha mencegah dan menjadi *deterrence* kepada orang ramai daripada memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] akan dipinda bagi meningkatkan hukuman-hukuman berkaitan kesalahan memandu dengan tidak mematuhi peraturan jalan raya termasuk memandu dalam keadaan mabuk.
2. Bacaan pertama Rang Undang-Undang (atau RUU) ini telah pun dilaksanakan pada **27 Julai 2020**. Susulan itu, **RUU ini telah pun dibentangkan, dibahaskan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Ogos 2020 yang lalu.**
3. Secara spesifik, pindaan seksyen 41 hingga seksyen 45 merupakan komitmen kerajaan untuk memastikan tindakan tegas bagi kesalahan pemanduan di bawah pengaruh alkohol, dadah atau memandu secara melulu, termasuk merempit.
4. Seterusnya, Rang Undang-Undang ini adalah dijadualkan untuk dibentangkan dan dibahaskan di dalam Dewan Negara yang mulia ini di dalam sesi Parlimen kali ini, yang dijadualkan dalam pertengahan bulan September 2020.
5. Kementerian Pengangkutan berharap agar Rang Undang-Undang Pindaan yang akan dibentangkan di dalam dewan ini akan mendapat sokongan penuh dan diluluskan oleh semua ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.